



04 JAN, 2025

THT mahu tebus duka

Harian Metro, Malaysia



MOHD Fitri (tengah) ketika majlis memperkenalkan pemain di Kuala Terengganu, kelmarin. - FOTO Malik Muhammad

THT mahu tebus duka

Kuala Terengganu: “Duka gagal merangkul kejuaraan dalam saingan musim lalu bakal dijadikan pengajaran berguna untuk kami bangkit pada tahun ini,” kata kapten Pasukan Hoki Terengganu (THT), Mohd Fitri Saari.

Tonggak skuad *The Turtles* itu berkata demikian menjelang pertandingan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam Piala Sumbangsih, Liga Hoki Malaysia (MHL) di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil pada malam ini.

Mengulas lanjut, pemain skuad kebangsaan itu berkata, kehadiran dua tonggak import, Lee Nam Young dari Korea Selatan dan penyerang Afrika Selatan, Samkelo Mvimbi bakal memperkasakan lagi pasukan.

Jelasnya, kehadiran semula bekas tonggak kebangsaan, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil dan Mohamad Sukri Abdul Mutalib turut menambah kekuatan THT.

“Luka ditunjukkan jalan keluar oleh TNB pada aksi Piala Sumbangsih musim lalu masih lagi berbekas buat kami lebih-lebih lagi saya yang menjaringkan gol penyamaan untuk mengikat kedudukan 2-2 hingga tamat perlawanan.

“Jadi pada perlawanan Sabtu, selain mahu menebus kedukaan tahun lalu, kami juga berazam untuk mengutip tiga mata pertama, kami akan cuba sekat pukulan sudut penalti lawan terutama mereka ada pakar dari Korea Selatan,” katanya.